

Tetapi Kristus telah datang sebagai Imam Besar untuk hal-hal yang baik yang akan datang: Dia telah melintasi khemah yang lebih besar dan yang lebih sempurna, yang bukan dibuat oleh tangan manusia, ertinya yang tidak termasuk ciptaan ini, dan Dia telah masuk satu kali untuk selama-lamanya ke dalam tempat yang kudus bukan dengan membawa darah domba jantan dan darah anak lembu, tetapi dengan membawa darah-Nya sendiri.
Ibrani 9:11-12

Datanglah Roh Kudus, berilah damai pada dunia



TAKHTA SUCI: Semoga kita patuh kepada suara Roh Kudus, demikian doa Sri Paus Fransiskus semasa menyampaikan renungan semasa *Regina Coeli* di Vatikan, Mei 19. Berucap kepada umat beriman yang berkumpul di Dataran Sto Petrus dari balkoni Istana Apostolik, Sri Paus mengingatkan umat bahawa pada hari itu “kita merayakan turunnya Roh Kudus ke atas Maria dan para Rasul.”

Menekankan bahawa dalam Injil hari itu, Yesus bercakap tentang Roh Kudus dan berkata bahawa Dia akan mengajar kita “apa sahaja yang Dia dengar.”

Lalu Sri Paus mengajukan soalan, “apakah maksud ungkapan ‘apa yang Dia dengar’ ini? Apakah yang telah Dia dengar daripada Roh Kudus?”

Menurut Bapa Suci, Yesus bercakap kepada kita dengan kata-kata yang menyatakan perasaan yang indah, seperti kasih sayang, rasa syukur, kepercayaan dan belas kasihan, “yang mengisytiharkan kepada kita hubungan yang indah, bercahaya, konkrit dan kekal, seperti cinta Tuhan yang abadi.”

“Tepatnya,” kata Sri Paus, “kata-kata cinta yang mengubah ialah kata-kata yang diulangi oleh Roh Kudus dalam diri kita dan yang baik untuk kita dengar, kerana Ia menjaga, menimbulkan dan memelihara dalam hati kita, perasaan dan niat yang baik.”

Atas sebab ini, adalah penting untuk menyuburkan diri kita dengan membuka hati kepada Roh Kudus setiap hari dengan membaca petikan Injil. Ini boleh kita lakukan dengan mudah misalnya membawa Injil mini yang senang dibawa ke mana sahaja.

Menyediakan ruang untuk Roh Kudus

Mendengar Firman Tuhan dan berdoa kepada Dia secara peribadi dan dalam adorasi, membantu kita mencipta ruang dalam diri kita untuk suara Roh Kudus bergema. Malah Roh Kudus juga membantu dalam mengucapkan kata-kata yang baik antara satu sama lain serta menolong kita menjadi “suara lembut Sang Penghibur” untuk satu sama lain.

“Membaca dan menghayati Injil, berdoa dalam hening, mengucapkan kata-kata yang baik: semua ini sebenarnya tidak sukar dilakukan; kita boleh melakukan segala-galanya dengan Roh Kudus.”

Menjadi suara penghibur Roh Kudus

Oleh itu, Sri Paus Fransiskus menyeru umat beriman untuk bertanya kepada diri sendiri, “Bagaimana saya dapat menyediakan tempat atau ruang bagi Roh Kudus dalam peribadi saya? Bagaimana saya boleh menjaga ‘tempat’ ini untuk lebih mendengar Roh Kudus dan menjadi suara Roh Kudus bagi orang lain?”

Sri Paus Fransiskus menjelaskan bahawa kita boleh melakukannya dengan memohon kepada Bunda Maria, yang hadir pada hari Pentakosta bersama para Rasul dan memohon pertolongan Bunda Kristus agar kita patuh kepada suara Roh Kudus.

Bapa Suci juga berdoa agar Roh Kudus membawa persekutuan antara orang Kristian, keharmonian dalam keluarga dan menamatkan peperangan di Ukraine dan di Tanah Suci.

Gereja Katolik seluruh dunia menyambut Hari Raya Besar Pentakosta, yang disambut 50 hari selepas Paskah, menandakan turunnya Roh Kudus.

Pada akhir homili, Sri Paus Fransiskus berdoa: “Datanglah Roh Pencipta, terangilah fikiran kami, penuhilah hati kami dengan rahmat-Mu, tuntunlah langkah kami, berikanlah kedamaian-Mu kepada dunia kami.” — *media Vatikan*

Roh Kudus membantu kita dalam mengutarakan kata-kata baik untuk sesama dan menjadi “suara lembut Sang Penghibur” untuk satu sama lain — Sri Paus Fransiskus. Gambar: Media Vatikan.

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus memperbaharui doanya untuk keamanan dunia, memohon pertolongan Tuhan bagi menamatkan semua konflik serta mengingati khususnya penderitaan di Tanah Suci, Ukraine dan bandar Kharkiv yang diserang baru-baru ini.

Selepas memimpin doa *Regina Coeli* di Dataran Sto Petrus, Sri Paus Fransiskus mengingatkan bahawa pada hari tersebut iaitu hari Pentakosta, “kita mengingati bagaimana Roh Kudus mencipta keharmonian di kalangan mereka yang berbeza bahasa dan bangsa.”

Bapa Suci menyeru semua orang untuk berdoa agar Roh Kudus, dapat menamakan keharmonian dalam hati, keluarga, masyarakat dan seluruh dunia kita.

Sri Paus berdoa agar Roh Kudus dapat mengukuhkan persekutuan dan persaudaraan di kalangan orang Kristian yang

berbeza tradisi, terutamanya membantu para pemimpin negara untuk mendapatkan keberanian membuat usaha yang memihak kepada dialog yang boleh membawa berakhirnya peperangan.

Prelatus itu mengeluh peperangan di dunia semakin meningkat serta menyebut khusus nya Ukraine dan bandar Kharkiv yang mengalami serangan tidak lama dulu.

Sangti Papa berdoa untuk keamanan di Tanah Suci, Palestine, Israel dan di mana sahaja peperangan berlaku.

“Semoga Roh Kudus memimpin para pemimpin dunia dan setiap daripada kita untuk membuka pintu kepada keamanan,” tegasnya.

Prelatus itu juga memohon doa daripada para penziarah untuk mendoakan kunjungan apostoliknyanya ke Asia Tenggara iaitu Indonesia, Timor Leste, Papua New Guinea dan Singapura. — *media Vatikan*



Bapa Suci berdoa agar pemimpin negara berani buka jalan dialog

Bagaimana bertengkar secara adil?

Pada awal perkahwinan, memang semuanya indah. Ada pasangan suami isteri yang saya kenali, telah 10 tahun berkahwin mula berasa bosan serta hidup dalam kemarahan disebabkan sering bertengkar.

Mereka sering bertengkar bukan hanya hal yang penting tetapi juga hal-hal remeh yang tidak masuk akal.

Misalnya soal makan dan minum atau soal selera lainnya. Si isteri bertanya kepada saya, adakah pertengkaran ini sihat? Tidakkah nanti ia merosakkan relasi kami sebagai suami isteri?

Kemarahan, konflik dan pertengkaran adalah dinamika dalam sebuah relasi. Begitu juga dalam perkahwinan.

Pertengkaran merupakan pengalaman yang tidak dapat dihindari. Diperlukan sikap yang bijak menghadapi pertengkaran. Ertinya, bersikap secara tepat dan memberikan reaksi secara benar terhadap pertengkaran yang muncul.

Berikut ini beberapa hal yang dapat diperhatikan agar dapat bertengkar secara *fair* atau adil.

Pertama, menumbuhkan sebuah bentuk relasi yang sihat. Jika dua orang hidup bersama, sudah pasti bahawa mereka dapat bertengkar mulai dari hal-hal yang kecil sampai dengan hal-hal yang serius.

Giliran siapa yang menyiram tanaman, bila waktu untuk mencuci pakaian, siapa yang bertugas membersihkan meja makan adalah pelbagai kenyataan kecil dan remeh tetapi boleh memicu pertengkaran.

Manakala hal-hal serius yang dapat menyebabkan kemarahan seperti pemulihan relasi yang kurang harmoni kerana konflik hebat yang sudah terjadi atau sikap suami-isteri yang suka mengkritik dan cenderung merendahkan pasangan.

Cara pasangan bersikap menangani dan



Kemarahan, konflik dan pertengkaran harus dikendalikan dengan hati-hati.

mengatasi kemarahan itulah yang membedakan antara hubungan suami-isteri yang sihat dari hubungan yang berisiko.

Dalam sebuah relasi suami-isteri yang sihat, mereka bertengkar dalam atmosfera dialog dan jelas tentang apa yang mereka sedang tengkari.

Kedua, berusaha menemukan solusi bersama. Jika satu-satunya keinginan anda dalam dialog ialah meyakinkan pasangan bahawa anda benar, maka sudah pasti bertengkar secara adil adalah gagal.

Konflik hanya dapat diselesaikan, jika anda sungguh-sungguh tertarik untuk memahami apa yang difikirkan, diperlukan, diinginkan dan dirasakan pasangan.

Ini bukan pertanyaan mengenai siapa

yang benar. Melainkan bagaimana menemukan solusi bersama.

Ketiga, belajar mendengarkan pasangan. Untuk mengetahui apa yang difikirkan dan diinginkan orang lain anda harus mendengarkan pasangan.

Kita sering sekali suka membaca atau meneka fikiran orang lain. Padahal, satu-satunya cara untuk dapat memahami apa yang difikirkan orang lain ialah mendengarkan dia. Mendengar adalah keterampilan yang boleh kita pelajari.

Keempat, berusaha mengakhiri pertengkaran dengan mengambil jarak. Jika pasangan suami-isteri sedang bertengkar, mereka tidak perlu berteriak atau meledak-ledak dengan kemarahan.

Dalam konflik, sangat penting bagi pasangan suami-isteri berusaha mengawal diri.

Ketika seseorang sedang marah, dia tidak akan dapat berfikir jernih lagi.

Menyampaikan sesuatu dengan kemarahan atau melalui kata-kata kasar akan menyakitkan dan melukai pasangan anda. Semakin anda meledak-ledak dengan kemarahan, semakin intens pertengkaran berlangsung.

Pertengkaran tidak akan berhenti jika tidak ada yang mengambil jarak. Dalam pertengkaran selalu memerlukan dua orang.

Tetapi hanya satu di antaranya yang dapat menghentikan pertengkaran. Anda boleh menjadi orang itu.

Jika ada dorongan untuk marah, maka segeralah mengambil jarak misalnya dengan menyingkir sejenak dari apa yang membuat anda marah.

Di kemudian waktu, semasa situasi sudah reda dan memungkinkan, dialog dengan pasangan boleh dilakukan untuk penjelasan.

Kelima, meminta bantuan pihak ketiga. Jika pasangan suami-isteri gagal mengakhiri konflik, maka bantuan pihak ketiga sangat diperlukan.

Pihak ketiga tersebut adalah orang yang memang anda percayai, mungkin anggota keluarga, sahabat, teman pejabat atau profesional. Kemarahan, konflik dan pertengkaran harus dikendalikan dengan hati-hati agar dapat mengambil sikap yang tepat dalam mengatasinya.

Oleh sebab itu, pasangan suami-isteri perlu bertengkar secara *fair*. Ertinya, mengambil sikap yang tepat dan benar terhadap setiap kemarahan dan konflik yang muncul dalam perkahwinan. — *Fr Ignas Tari, MSF, hidupkatolik*

Menjadi Ekaristi bagi sesama

Ibadat atau Liturgi adalah suatu ungkapan hubungan bersama kita dengan Tuhan sekaligus juga dengan sesama kita! Makna liturgi ini secara khusus berlaku untuk Ekaristi.

Kerana itu, perayaan Ekaristi harus selalu diselenggarakan dalam konteks situasi dan kondisi sosial secara konkrit di mana kita berada. Ekaristi bukanlah suatu urusan peribadi atau hanya untuk keperluan sendiri belaka.

Nabi Amos misalnya (5:21-25) dan Yesaya (1:11-17) secara tegas mengecam setiap bentuk ibadat yang tidak ada hubungannya dengan keadaan sesama kita.

Dalam kata-kata konsekrasi yang diucapkan imam dalam Misa Kudus Yesus berkata: “Lakukanlah ini untuk mengenangkan Daku”. Apa sebenarnya yang harus kita lakukan seperti dikehendaki Yesus itu? Apakah sekadar kenangan, memori, peringatan masa lalu saja?

Dalam melaksanakan perayaan Ekaristi, paderi harus mengulangi dan mengucapkan apa yang dahulunya diucapkan Yesus pada waktu Dia menyelenggarakan perjamuan malam terakhir.

Bukan hanya itu! Yesus minta supaya kita, paderi dan segenap umat, yang menganggap dirinya murid Yesus, juga harus

melakukan apa yang dilakukan-Nya sendiri, iaitu melakukan perbuatan kasih. Dan perbuatan kasih yang dilakukan Yesus berupa pemberian diri-Nya sendiri seluruhnya.

Memang dalam perjamuan malam, pemberian diri Yesus itu masih bersifat simbolik dan profetik (kenabian) bagaikan lambang, iaitu dalam bentuk roti dan anggur.

Tetapi dalam kenyataannya roti dan anggur itu adalah Tubuh dan Darah-Nya, yang menjadi kenyataan pada hari berikutnya, iaitu tatkala Yesus mati tergantung di kayu salib di Kalvari.

Itulah makna sakramen Ekaristi: walaupun dalam bentuk roti dan anggur, namun itulah diri Yesus seutuhnya! Inilah perbuatan kasih, yang harus kita lakukan untuk mengenangkan Dia! Mengenangkan Yesus berarti berbuat seperti Yesus!

Dengan demikian merayakan Ekaristi sebenarnya berarti menunjukkan kesediaan kita untuk berbuat kasih kepada orang lain. Itu berarti, bahawa kita harus menjadi Ekaristi bagi sesama.

Kita harus sanggup menjadi roti yang dipecah-pecahkan, dibahagi-bahagikan dan diberikan kepada orang lain.

Ada hal lain juga yang penting untuk kita renungkan, iaitu mengenai piala

darah Kristus.

Kita ingat akan Yakobus dan Yohanes, yang sebagai orang-orang muda mohon kepada Yesus melalui ibu mereka supaya diberi tempat sebagai orang penting di sisi kanan dan kiri Yesus.

Yesus tidak marah, Dia hanya bertanya: “Apakah kamu dapat meminum piala (cawan), yang harus Ku minum”? – Piala itu sebenarnya adalah simbol hidup yang harus dikosongkan dari kepentingan diri sendiri demi kepentingan orang-orang lain. Khususnya kepentingan orang-orang kecil, miskin dan berkekurangan apapun bentuknya.

Piala yang harus diambil dan diminum itu tak lain tak bukan adalah hidup, yang harus diserahkan kepada orang lain, seperti dilakukan oleh Yesus untuk orang lain.

Yesus tidak menghendaki Ekaristi diselenggarakan sekadar sebagai peraturan ibadat sebagai upacara rutin (misalnya ke gereja pada hari Minggu).

Upacara Perayaan Ekaristi betapa meriahnya, betapa kita menghiasi Gereja dengan sangat indah atau nyanyian koir kelas satu — akan kosong jika tanpa penghayatan dan semangat

Mengenang Kristus hanyalah tepat dan benar, apabila perayaan Ekaristi dihayati

HARI RAYA TUBUH DAN DARAH YESUS (TAHUN B)

KELUARAN 24:3-8
IBRANI 9:11-15
INJIL MARKUS
14:12-16.22-26

dengan semangat dan jiwa yang sanggup berbahagi, rela dan kesediaan memberikan serta mengosongkan diri kepada orang lain.

Perayaan Ekaristi tidak bermakna tanpa kehadiran komuniti di mana kita berada. Tanpa melibatkan komuniti, Gereja akan menjadi Gereja tertutup, Gereja asing, Gereja yang bertentangan dengan Ekaristi.

Konsili Vatikan II menegaskan bahwa “Ekaristi adalah sumber dan puncak setiap hidup Kristiani” dan Sri Paus Santo Yohanes Paulus II menegaskan bahawa “Gereja hidup dari Ekaristi”.

Kita dipanggil Tuhan untuk tetap setia mengikuti Yesus, iaitu untuk menjadi Ekaristi bagi sesama. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm*

Gereja anjur latihan kemahiran asas

KUALA LUMPUR: Pelayan Wanita Gereja Hati Kudus Yesus, menganjurkan kemahiran asas jahitan dan membuat jambangan pada Mei 11 lalu yang menarik kehadiran 20 peserta.

Matlamat acara ini adalah untuk memupuk kemahiran di kalangan wanita paroki yang boleh digunakan untuk menjana sedikit pendapatan terutamanya untuk ibu tunggal yang memerlukan pendapatan tambahan untuk menyara keluarga.

Terdapat juga perancangan untuk menghimpunkan pangkalan data wanita yang boleh berkongsi kemahiran dan pengetahuan mereka dengan wanita Katolik di paroki lain untuk mempromosi dan menyokong mereka yang menjalankan perniagaan kecil-kecilan.

Kelas diketuai oleh Bernie Pathinathan yang menyampaikannya pengetahuan tentang menggubah jambangan bunga dan korsaj diikuti Yesotha Mary, yang mengajar asas kemahiran menjahit. Peserta juga belajar cara menjahit beg tangan dari perca-perca kain yang tidak lagi digunakan.

Maklum balas daripada peserta yang hadir adalah sangat positif.

Seorang lagi peserta menyatakan semangat untuk mengikuti pembelajaran lanjut dan juga bersedia untuk menyokong wanita lain yang memerlukan.



Wanita beriman berhimpun untuk rekoleksi KWK

KENINGAU: Seramai 350 wanita Katolik menyertai Rekoleksi Kerasulan Wanita Katolik (KWK) paroki Katedral St Francis Xavier, Keningau yang diadakan di Pusat Ziarah Keluarga Kudus, Nulu, Sosopon, baru-baru ini.

Antara sesi yang disampaikan dalam rekoleksi tahunan itu adalah seperti "Kerohanian Wanita Katolik" yang disampaikan oleh Msgr Gilbert Lasius, "Cabaran dan Halangan wanita Katolik dalam pelayanan" oleh Sdra John Lainsin, dan "Liturgi" oleh Sr Liza Jamat, FSIC.

Rekoleksi ditutup dengan perayaan Ekaristi yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Dalam homilinya, prelatus itu menjelaskan mengenai tema yang dipilih untuk rekoleksi KWK kali ini iaitu "Umat Tuhan yang berjalan bersama dalam kesatuan, kesetiaan dan kekudusan Yesus Kristus."

Prelatus itu menerangkan bahawa tema itu memang sesuatu yang sangat berkait

rapat dengan perkembangan Keuskupan Keningau.

Dengan merujuk kepada petikan Injil Yohanes 17:11-17, di mana Yesus berdoa kepada Bapa-Nya di Syurga sebelum Dia mengharungi sengsara, Yesus mendoakan agar para pengikut-Nya dan untuk kita sekarang ini, agar tetap bersatu dalam Bapa, dilindungi Tuhan dan hidup dalam kekudusan.

Daripada doa tersebut, terbit inspirasi mengenai pentingnya kesatuan, kesetiaan dan kekudusan dalam kehidupan umat Katolik. "Yesus menginginkan kita menjadi satu, bermakna kita juga harus hidup dalam kesatuan, Yesus menginginkan kita terus dilindungi dari si jahat bermakna kita harus sentiasa setia memilih Yesus dan Yesus menginginkan kita sentiasa dikuduskan bermakna kita juga harus sentiasa berusaha untuk hidup kudus," kata Uskup Cornelius.

Ketua Keuskupan Keningau itu menutup homilinya bahawa pesan Yesus mengenai

kesatuan, kesetiaan dan kekudusan adalah sangat relevan untuk semua umat Katolik khususnya di Keuskupan Keningau yang mengamalkan semangat pelayanan berkomuniti.

Selepas Misa, para ahli KWK mengambil peluang untuk bergambar bersama dengan Uskup Cornelius Piong.

Puan Mathilda Nain selaku Pengerusi KWK Paroki KSFX mengucapkan terima kasih kepada Uskup Cornelius kerana memimpin Misa Kudus dan mengucapkan terima kasih kepada semua perwakilan KWK dari pelbagai paroki.

Beliau yang tidak menyangka kehadiran para wanita Katolik yang begitu ramai mengatakan, "Ini menunjukkan para wanita Katolik amat memperhatikan perkembangan iman. Memandangkan rekoleksi ini sangat baik bagi pertumbuhan spiritualiti wanita Katolik, maka ia akan diadakan lagi pada tahun hadapan," ucap Pn Matilda. — **Juanis bin Marcus**

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Orang awam boleh memberkati?

Saya sering melihat ibu bapa dan mereka yang sedang bercinta, saling membuat tanda salib di dahi. Bukankah hanya paderi yang boleh memberikan berkat seperti itu? — Alody

Jawaban: Mengenai pemberkatan, kita boleh merujuknya dalam Katekismus Gereja Katolik (KGK), khususnya no. 1669 tentang sakramentali.

Pemberkatan adalah bentuk paling utama dari sakramentali ini. Kita tahu bahawa Gereja Katolik memberikan perbezaan antara liturgi utama dan liturgi lainnya.

Liturgi utama mencakupi sakramen-sakramen, yang normalnya dilayani oleh klerus (Uskup, paderi dan diakon), sedangkan sakramentali adalah doa mohon rahmat dan berkat di luar perayaan tujuh sakramen itu.

Banyak contoh misalnya pemberkatan rumah, kedai, pemberkatan kenderaan, salib, air suci dan benda-benda rohani lainnya adalah sakramentali. Pemberkatan pertunangan, ibu hamil dan anak-anak juga termasuk sakramentali. Dengan sakramentali, karunia-karunia ilahi dianugerahkan kepada umat beriman atau benda tertentu berkat permohonan Gereja (KGK 1667).

Sakramentali ini termasuk wewenang imam-at umum, maksudnya setiap orang yang dibaptis dipanggil untuk menjadi berkat dan untuk memberkati. Kerana itu kaum awam dapat melayani pemberkatan-pemberkatan tertentu.

KGK juga menjelaskan, "semakin pemberkatan itu menyangkut kehidupan Gereja dan sakramental, semakin pelaksanaannya dilaksanakan untuk jabatan tertahbis (Uskup, imam dan diakon) (KGK 1669) lebih-lebih lagi yang menyangkut kehidupan Gereja misalnya pemberkatan para pro-diakon, dewan paroki, lektor atau pemegang jabatan tertentu.

Biasanya ada dua jenis berkat: iaitu berkat invokatif, dan berkat konstitutif (*William Saunders, "What Is a Blessing?" 2003*).

Berkat invokatif bersifat permohonan: Pelayan doa memohon agar Tuhan memberikan kebaikan tertentu, rohani atau jasmani, pada orang atau benda, tanpa mengubah keadaan apa pun dari orang atau benda yang diberkati. Misalnya berkat atas makanan dan berkat orang tua terhadap anak.

Manakala berkat konstitutif mengubah orang atau benda tertentu menjadi khusus. Piala, dewan Gereja atau rosari, salib atau benda-benda rohani, misalnya, setelah diberkati menjadi benda khusus dan dipakai hanya untuk tujuan rohani serta tidak boleh disalah gunakan.

Begitu juga apabila seorang biarawati yang melafazkan kaul kekal, diberkati: berkat itu menjadikan biarawati itu seorang yang berbeza.

Memberkati pasangan kekasih seperti dibuat teman-teman anda bukan hanya romantis, tetapi dapat menguatkan relasi secara rohani bila dibuat dengan tulus. Pemberkatan seperti itu tentu boleh dilakukan oleh seorang

awam kerana ia bukan berkat eklesial atau sakramental, melainkan berkat invokatif.

Sama halnya dengan ibu bapa yang memberkati anak-anaknya.

Ingat, semasa pembaptisan, ibu bapa dan wali baptis diminta menandai dahi bayi dengan tanda salib.

Berkat ibu bapa ini sebaiknya sering diulang, misalnya semasa anak menyambut ulang tahun, sakit atau semasa mereka hendak merantau atau bekerja. Tanda salib kecil di dahi memberi kekuatan rohani tersendiri bagi mereka.

Biasanya ada perbezaan *gesture* pelayan dalam memberi berkat. Klerus sesuai dengan jabatan gerejaninya menghulurkan atau menumpangkan tangannya, kemudian memberi tanda salib besar di atas orang atau benda. Itulah tanda berkat rasmi gerejani.

Seorang awam, meskipun boleh menghulurkan tangan sebagai sikap doa, tidak boleh membuat tanda salib besar sebagaimana dibuat oleh paderi. Bersyukurlah kita kerana berkat-berkat semacam ini dianugerahkan kepada semua umat beriman.

Bersama berkat yang kita terima melalui sakramen, pemberkatan-pemberkatan yang diberikan oleh awam, dapat memberi kesaksian penting bahawa rahmat Tuhan itu selalu mengalir pada Gereja-Nya. Itulah berkat misteri Paskah: sengsara, wafat dan kebangkitan Kristus. — **Fr Gregorius Hertanto, MSC, hidupkatolik**

Sahabat kecil Yesus

Mari Mewarna
AMBILLAH, INILAH
TUBUH-KU
(MRK 14:23)



ISI TEMPAT KOSONG
DENGAN JAWABAN
YANG SESUAI.





AKULAH _____ HIDUP YANG
TELAH _____ DARI
_____ JIKALAU SEORANG
_____ DARI ROTI INI, DIA
AKAN _____ SELAMA-
LAMANYA, DAN ROTI YANG
KU BERIKAN ITU IALAH
_____-KU, YANG AKAN
KU _____ KAN UNTUK
HIDUP _____.

(Yoh 6:35)

TURUN ROTI HIDUP SYURGA MAKAN DAGING BERI
DUNIA

CARI LAPAN
PERBEZAAN
PADA GAMBAR
INI



Hari Raya Tubuh dan Darah Yesus Jun 2, 2024

Hello adik-adik,

Pada hari Minggu ini, kita menyambut Hari Raya Tubuh dan Darah Yesus.

Pada hari yang istimewa ini, biasanya ramai kakak dan abang kita akan menyambut Sakramen Komuni pertama.

Tahukah adik-adik bahawa Gereja merayakan pesta Tubuh dan Darah Kristus setiap tahun bertujuan untuk mengingatkan kita betapa pentingnya Ekaristi untuk kehidupan Kristian kita.

Mungkin adik-adik pernah menyaksikan Sakramen Mahakudus diarak di sekeliling bandar atau

kampung di mana adik-adik berada.

Adik-adik, perayaan Ekaristi adalah puncak semua doa, pujian dan kesyukuran kepada Tuhan. Tidak ada doa, ibadat dan penyembahan apa pun yang dapat menggantikan perayaan Ekaristi.

Dalam Ekaristi, Yesus benar-benar hadir dan ini adalah kesempatan istimewa kita untuk menatap, berdoa, berdialog dan berbual dengan Yesus secara intim!

Oleh itu, semoga adik-adik sentiasa rajin untuk datang ke Misa Kudus.

Salam Sayang
Antie Melly

Bantu adik-adik ini mencari jalan
agar dapat menerima Ekaristi.



BELIA MILENIUM

Kaum muda bangkitlah!



Persiapan rohani penganjur SYD-6

KENINGAU: Persiapan Rohani Penganjur SYD-6 yang pertama telah diadakan di Rumah Retret Keuskupan Keningau Tatal (RRKKT).

Program yang berlangsung selama tiga hari dua malam, bermula Mei 10 - 12 lalu.

Seramai 162 orang penganjur dari tiga Keuskupan/Agung di Sabah.

Turut hadir ialah para paderi rohani belia Keuskupan iaitu Fr Ronnie Luni (Keningau), Fr Wiandigool Runsab (Kota Kinabalu) Fr Isidore Gilbert selaku pembimbing Rohani SYD-6, Friar Gerald Terence OFM (Kota Kinabalu), Roney Alfred Eming (Ko-ordinator SYD-6), Sr Noemi Mejia FSIC (Timbalan Ko-ordinator SYD-6), Sr Dora Obod FSIC dan beberapa religius.

Objektif utama SYD-6 yang dijelaskan dalam persiapan rohani adalah agar para penganjur dapat menyedari, menghargai, menerima diri sebagai ciptaan Tuhan yang indah (Ini Aku), merayakan sukacita dengan

penuh sukacita dan syukur (PENUHI AKU) dan bangkit dengan penuh semangat untuk pergi meneruskan misi Kristus (UTUSLAH AKU).

Fr Ronnie Luni dalam homilinya semasa Misa Kudus pembukaan, menyatakan setiap belia yang hadir pada persiapan itu, sangat rindu untuk bertemu dengan sesama serta mahu bangkit untuk bergiat aktif semula dalam program belia khususnya acara SYD-6 pada bulan September kelak — menjadikan persiapan itu sebuah 'Pertemuan yang indah'.

Hari kedua, dimulakan dengan Misa Kudus. Fr Isidore Gilbert berpesan kepada para belia agar menerima bahawa kita semua adalah peribadi yang berbeza dan unik, namun kita semua tetap satu, kerana kita semua adalah milik Tuhan.

Selepas Misa, Dennis Patrick membawa para penganjur untuk mengenali keperibadian masing-masing dan orang lain agar lebih mudah untuk menerima kekuatan serta kele-

mahan masing-masing.

Sesi berikutnya oleh Friar Gerald Terence menjelaskan tentang walaupun terdapat perbezaan dalam *expectation* vs realiti peribadi namun ia adalah kebebasan kita untuk memilih sesuatu yang membawa sukacita kepada kita.

Bagaimana untuk bermula agar saling menerima peribadi sendiri dan orang lain? Mulakan dengan 'kerendahan hati', ujar Alex Paulus.

Oleh kerana kita ini milik Tuhan, kita seharusnya melakukan kehendak Tuhan dengan penuh cintakasih agar kita dapat berdamai dengan diri sendiri dan sesama.

Maka, pada malam "*Celebration of Light*", para penganjur diajak untuk berdamai dengan diri sendiri dan sesama.

Sungguh mengharukan ketika Friar Gerald Terence mengatakan "hari ini anda menangi setelah berdamai dengan diri sendiri dan sesama. Namun sebenarnya anda semua telah membuatkan saya menangis."

Pada hari ketiga, Misa perutusan untuk persiapan rohani SYD-6, dipimpin oleh Msgr Gilbert Lasius.

Dalam homilinya, Msgr Gilbert mengajak belia untuk belajar cinta kasih Tuhan kerana Dia sentiasa menyatukan kita bersama.

Pada hari itu juga, Mei 12, beberapa peristiwa penting berlaku seperti Hari Jururawat, Hari Ibu dan Hari Komunikasi Sedunia-58 diraikan dalam Misa.

Ini mengingatkan para penganjur agar sentiasa aktif dan bekerjasama dengan komiti lain dalam menyebarkan cinta kasih Tuhan.

Selesai Misa, para penganjur kembali berkumpul bersama TIM MOT, SUBMOT, LOT, SUBLOT, dan Tugas Khas, untuk membincangkan persiapan SYD-6.

Selepas perbincangan berakhir, Friar Gerald Terence menutup tirai dengan satu ayat renungan ini, "Bagaimana untuk menyebarkan Cinta Kasih Tuhan?" Friar Gerald mengatakan, "Lakukan ia melalui teladan kepada Bonda Maria!"

Majlis makan malam tahunan eratkan persatuan mahasiswa Katolik



JOHOR: Majlis Makan Malam Penghargaan tahunan Pelajar Kampus Katolik Melaka Johor (MJCC) telah diadakan pada Mei 3 di Hotel Goodhope, menghimpunkan tetamu daripada *Catholic Students' Societies* (CSS) dan *Christian Fellowships* (CF).

Meraikan kemajmukan dan keterangkuman, Majlis Makan Malam MJCC mengalu-alukan pelajar daripada pelbagai latar belakang, terutamanya dari Sabah dan Sarawak.

Majlis dimulakan dengan ucapan oleh Uskup Bernard Paul, yang memberi refleksi dua perjalanan yang di-

harungi oleh pelajar kampus iaitu perjalanan akademik dan perjalanan iman sebagai seorang belia Katolik.

Selepas ucapan Uskup Bernard, Daryl Tan mewakili MJD, dan wakil graduan senior, Ignatius (CSS BASIC), berkongsi tentang betapa bersyukur mereka berada dalam komuniti Katolik.

Kemuncak majlis ialah penyampaian sijil penghargaan kepada para senior yang menamatkan pengajian dan para komiti di atas sumbangan hebat mereka dalam CSS dan CF di Keuskupan Melaka-Johor.

Katolik China beri kesaksian tentang iman dan belas kasihan

ROMA: Universiti Kepausan Urban di Roma menganjurkan persidangan pada Mei 21 lalu untuk merayakan ulang tahun ke-100 *Concilium Sinense*, satu-satunya Majlis Gereja Katolik China, yang ditubuhkan serta pernah diadakan di Shanghai pada Mei dan Jun 1924.

Sri Paus Fransiskus menghantar pesan video kepada para peserta yang menghadiri acara itu dan menyatakan bahawa ulang tahun adalah “majlis yang berharga untuk banyak sebab.”

Prelatus itu menegaskan bahawa Majlis *Sinense* menandakan satu langkah penting ke hadapan bagi Gereja Katolik di China.

“Roh Kudus menyatukan mereka, mengizinkan keharmonian bertumbuh di antara mereka, memimpin mereka di sepanjang jalan yang tidak diduga oleh kebanyakan mereka bahkan mengatasi kebingungan dan pertentangan.”

Pada awal penubuhannya, ramai yang menentang idea membenarkan paderi dan uskup

kelahiran China memimpin keuskupan.

Walau bagaimanapun, mereka bersetuju bahawa Gereja di China harus mempunyai “wajah China” kerana pewartaan keselamatan Kristus hanya boleh mencapai setiap komuniti manusia dan setiap orang jika ia bercakap dalam ‘bahasa ibunda’ mereka.”

Bapa Suci Fransiskus turut mengimbau kembali sumbangan penting Uskup Agung Celso Costantini, Delegasi Kerasulan Pertama ke China, yang diamanahkan oleh Sri Paus Pius XI untuk mengatur Majlis.

Usaha Uskup Agung Costantini membolehkan persekutuan antara Takhta Suci dan Gereja di China memanifestasikan “buah-buahan yang baik untuk semua orang China.”

Majlis *Sinense*, kata Paus, “bukan soal ‘mengubah strategi’, tetapi mengikuti jalan yang paling sesuai dengan sifat Gereja dan misinya.”

Para peserta percaya pada rahmat Kristus, dan pandangan mereka ke arah masa depan telah menjadi masa kini Gereja moden.



Pesan Sri Paus Fransiskus disiarkan semasa ulang tahun ke-100 *Concilium Sinense*,

Menghargai karya-karya *Concilium Sinense*, Sri Paus Fransiskus berkata umat Katolik China, dalam persekutuan dengan Uskup Roma, berjalan pada masa sekarang.

Bapa Suci menyeru ahli-ahli majlis ini

untuk memberi kesaksian tentang iman melalui perbuatan belas kasihan dan amal, dengan itu menyumbang kepada “keharmonian hidup bersama dalam komuniti.” — *media Vatikan*

Uskup Korea beri peringatan kesan kehilangan zon hijau

SEOUL: Sidang para Uskup Katolik Korea Selatan telah melahirkan kebimbangan terhadap keputusan kerajaan untuk menarik balik sekatan pembangunan tanah di Zon Belt Hijau di seluruh negara, dengan menegaskan bahawa ia akan memberi kesan kepada alam sekitar dan generasi akan datang.

“Zon-zon *belt* hijau ini adalah benteng perlindungan terakhir untuk ruang hijau di pusat bandar dan penyingkirannya menjejaskan aset yang akan kami wariskan kepada generasi akan datang,” kata Fr Blasio Park Hyun-dong, pengerusi Ekologi dan Alam Sekitar Konferensi para Uskup Katolik Korea.

Fr Park berkata menarik balik sekatan pembangunan tanah di zon dilindungi “bercanggah dengan tema Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini.”

Laman web konferensi itu menerbitkan mesejnya, menjelang Hari Alam Sekitar



Sedunia Jun 5.

Zon *Belt* Hijau pertama kali diterima pakai pada 1971 untuk mengelakkan pengembangan bandar yang pantas secara sembarangan demi pemeliharaan alam sekitar.

Namun pada awal tahun ini, kerajaan mengumumkan untuk meningkatkan projek perumahan dan pembangunan baharu, termasuk

menarik balik sekatan zon *belt* hijau di sekitar kawasan ibu kota.

Fr Park menekankan keperluan untuk “memulihkan hubungan yang sihat” dengan penciptaan melalui pertobatan ekologi dan transformasi dalaman. Dia meminta orang ramai bekerja untuk pemulihan alam sekitar. — *ucanews.com*

Kardinal mengecam serangan bom tangan di Gereja

COTABATO, Filipina: Seorang pemimpin tertinggi Katolik dan pegawai kerajaan mengutuk sekeras-kerasnya serangan bom tangan ke atas sebuah Gereja kecil di sebuah perkampungan yang menyebabkan dua orang cedera di Cotabato, selatan Filipina.

Kardinal Orlando Quevedo, Uskup Emeritus, mengecam serangan bom tangan di Gereja Sto Niño pada hari Pentakosta, Mei 19.

Mangsa yang cedera dikejarkan ke hospital untuk rawatan.

Kardinal itu mengatakan, “pengeboman yang mengerikan itu adalah tindakan keji

yang menjerit ke syurga,” kata laporan itu.

“Jenayah itu dikecam dua kali ganda lebih lagi ia dilakukan terhadap tetangga yang berkumpul untuk menyembah Tuhan di tempat suci,” katanya.

Kardinal menggesa pihak berkuasa untuk memastikan keadilan bagi mangsa serangan itu.

“Saya menyeru pasukan keselamatan, ketenteraan dan penyiasatan kami untuk menangkap pelaku dan membawa mereka ke muka pengadilan,” tambahnya.

Kardinal Quevedo adalah ahli Majlis Pemimpin yang mewakili Komuniti

Peneroka Kristian di Wilayah Autonomi Bangsamoro di Mindanao, sebuah wilayah yang mempunyai majoriti Muslim dan mengalami pemberontakan Muslim selama beberapa dekad.

Polis dilaporkan mengenal pasti suspek tetapi tidak mendedahkan namanya atau jika mengaitkan si pelaku dengan mana-mana pakatan pelampau.

Kerajaan Filipina juga mengecam serangan itu dan menyifatkan ia sebagai “serangan langsung terhadap komitmen rakyat Filipina terhadap kebebasan beragama dan kewujudan bersama secara aman dan secara terang-terangan mengabaikan kehidupan manusia.”

Setiausaha Pejabat Penasihat Presiden mengenai Keamanan, Rekonsiliasi dan Perpaduan, Carlito Galvez Jr, berkata serangan itu tidak akan menghalang usaha kerajaan untuk mencapai keamanan berkekalan di rantau itu.

“Mari kita semua bekerjasama untuk mengelakkan tragedi seperti itu berulang, dan membantu memupuk persekitaran yang lebih aman, inklusif dan harmoni yang menghormati pelbagai kepercayaan dalam komuniti kita,” kata Galvez dalam kenyataannya pada Mei 21. — *ucanews.com*

Talita Kum raya 15 tahun pelayanan



SACROFANO, Roma: Lebih 200 perwakilan *Talitha Kum* yang mewakili religius wanita dan lelaki, orang awam, orang muda dan mangsa yang terlibat secara aktif dalam memerangi perdagangan manusia akan berkumpul untuk Perhimpunan Agung Talitha Kum yang kali kedua.

Perhimpunan ini diadakan semasa Ulang Tahun ke-15 penubuhan Rangkaian Antarabangsa Kehidupan Tersuci Menentang Perdagangan Manusia meraikan ulang tahun di bawah Kesatuan Agung Antarabangsa (UISG).

Perayaan ini dirayakan di *Fraterna Domus* di Sacrofano dari Mei 18-24.

Para anggota kongregasi dari UISG telah terlibat dalam pelayanan terhadap mangsa perdagangan orang sejak tahun 1998.


Kontribusi pertama mereka adalah membuat material atau bahan latihan oleh sekumpulan pelajar yang dibentuk di bawah Komisi Keadilan dan Perdamaian.

Kaum muda juga turut melibatkan diri dalam program Duta Pemuda Anti Perdagangan Orang Talitha Kum dimulai pada September 2021 di Asia.

Program ini telah berkembang dan meluas ke seluruh dunia, hingga ke Oseania, Afrika, dan Amerika Latin. Tahun lalu, di Afrika sahaja, 14,800 generasi muda dapat direkrut melalui program ini.

Misi mereka ialah untuk menjadi tokoh protagonis di antara rakan-rakan mereka dalam memerangi perdagangan orang,

Talitha Kum Antarabangsa berharap dapat terus memperluas jaringannya untuk menjawab keperluan besar dunia. — *ucanews.com*



Pegawai polis menyiasat di tapak kejadian letupan bom tangan. Gambar: *ucanews.com*

60 MINIT BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Tidak perlu jadi diakon, wanita tetap hebat

ROMA: Sri Paus Fransiskus sekali lagi membantah keras pentahbisan diakon wanita, mengulangi pendirian Bapa Suci yang konsisten terhadap wanita menjadi paderi.

Sri Paus membuat kenyataan itu dalam temu bual dengan pembaca berita CBS Norah O'Donnell dalam program, "60 Minit."

"Saya ingin tahu, untuk seorang gadis kecil yang membesar Katolik hari ini, adakah dia akan mempunyai peluang untuk menjadi diakon dan mengambil bahagian sebagai ahli paderi di Gereja?" tanya Norah.

"Tidak," jawab Sri Paus.

Norah kemudian mengubah soalan, "Adakah anda terbuka terhadap isu diakon wanita?"

Fransiskus menjawab, "Jika diakon dengan perintah suci, tidak! Tetapi saya selalu menegaskan, wanita dapat melayani meskipun tanpa menjadi diakon. Wanita mempunyai sumbangan besar dalam pelayanan, tetapi bukan dalam perintah suci."

Bapa Suci dalam temu bual itu menekankan kepentingan peranan wanita dalam Gereja Katolik, menggambarkan mereka sebagai "orang-orang yang bergerak ke hadapan serta merupakan agen penting perubahan."

"Wanita lebih berani daripada lelaki. Mereka tahu cara terbaik untuk melindungi nyawa," kata Sri Paus.

"Wanita adalah penjaga kehidupan yang cekap. Perempuan memang hebat. Mereka sangat hebat. Dan membuat ruang dalam



Sri Paus Fransiskus ditemubual oleh Norah O'Donnell untuk berita CBS, Mei 20, 2024.

Gereja untuk wanita tidak bermakna memberi mereka pelayanan, tidak. Gereja adalah seorang ibu dan wanita dalam Gereja adalah orang-orang yang membantu memupuk keibuan itu."

"Jangan lupa bahawa orang yang tidak pernah meninggalkan Yesus adalah wanita," katanya. "Lelaki di samping Yesus pada ketika itu, ramai yang melarikan diri."

Sri Paus Fransiskus pada tahun lalu menegaskan semula kemustahilan wanita menjadi paderi bahkan diakon dengan menyatakan bahawa "perintah suci dikhaskan untuk lelaki."

Norah juga bertanya kepada Sri Paus tentang membasuh kaki para tahanan wanita di penjara semasa Khamis Putih lalu. Kata

Sri Paus, "Memang benar, kali ini hanya wanita kerana ia adalah penjara wanita."

"Dan mesejnya ialah lelaki dan wanita, kita semua adalah anak-anak Tuhan. Bahawa lelaki dan wanita kita semua adalah rasul dan kita semua boleh memimpin. Janganlah kita lupa bahawa rasul yang paling berani, yang paling berani, adalah wanita: Maria Magdalene, Maria Salomé, dan Maria dari Santiago. Mereka tinggal bersama Yesus hingga ke akhir hayat Yesus."

Selain isu diakon, Sri Paus Fransiskus juga membicarakan isu-isu lain seperti krisis iklim, keselamatan para migran di negara-negara penerima dan pelan persaraan-nya. — CNA

Jun ini, mari sebarakan imej Hati Kudus Yesus di Internet

Seorang rakan saya mempunyai idea yang bagus: Mari kita menyiarkan gambar Hati Kudus Yesus dalam talian pada bulan Jun ini!

Lagipun, Yesus telah berjanji kepada Sta Margaret Mary Aloque, "Aku akan memberkati setiap tempat di mana imej hati-Ku diletakkan dan dihormati."

Mungkinkah Internet itu sendiri diberkati jika kita berkongsi lebih banyak imej hatinya, terdedah dan dihormati?

Sri Paus Fransiskus menekankan, "Bulan Jun secara tradisinya didedikasikan untuk Hati Kudus Yesus, ungkapan manusia yang paling agung tentang kasih ilahi ... lambang kemurahan Tuhan yang paling utama."

Selama bertahun-tahun, saya telah mendengar banyak cerita daripada orang yang pada mulanya tidak suka akan devosi mahupun imej Hati Kudus Yesus tetapi akhirnya diubah, terharu dan hidup mereka bertambah baik disebabkan oleh imej Hati Kudus.

Imej Hati Kudus selalunya tidak mengungkapkan kata-kata. Tetapi ia boleh menembusi hati yang dingin dan kaku.

Misalnya salib, dengan hanya melihat lambang salib, ia menunjukkan kepada kita akan kasih agung Tuhan kepada manusia dengan lebih mendalam berbanding homili yang hebat.

Imej Hati Yesus juga mempunyai cerita.

Pertama, ia memberitahu kita, dalam zaman teknologi ini, bahawa Tuhan bukan sekadar kecerdasan kosmik tetapi, dalam Yesus, Dia mempunyai Hati.

Kedua, hati Tuhan yang terbakar dan terluka memberitahu kita bahawa kekusutan hanya datang melalui penderitaan.

Ketiga, apabila Tuhan menawarkan hati-Nya, Dia menjemput kita untuk menawarkan hati kita juga.

Keempat, dengan menunjukkan kepada kita penglihatan tentang bagaimana rupa dosa dalam kekekalan — hati Tuhan yang terluka — Dia menjemput kita untuk membuat penebusan.


Pada bulan Jun ini, berbanggalah dengan iman anda dan raikan kasih Tuhan, yang sentiasa menang.

Sebarakan imej Hati Kudus Yesus di Internet. Namun, ramai di antara kita yang berasa malu untuk menyebarkan imej Hati Kudus Yesus di Internet. Bukan sahaja berasa malu tetapi merasa takut kita akan menyinggung perasaan beberapa pihak.

Namun, merayakan Hati Kudus Yesus dalam talian adalah baik. Pertama, ia adalah pesan Kristian yang paling umum: "Yesus mengasihi kamu."

Dan ia juga imej Katolik paling radikal yang kita ada: Hati manusia yang dilingkari duri.

Apa pun, mari kita memberkati Internet dengan menularkan imej Hati Kudus Yesus secara meluas! — Aletheia



Bulan Jun ini, sebarakan imej Hati Kudus Yesus dalam talian.

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Menjadi negara 'garam' di bumi

Sri Paus Fransiskus dijadualkan melawat Timor Leste pada September tahun ini. Sto Yohanes Paulus II (JP II) adalah Bapa Suci pertama yang melawat tanah bekas jajahan Portugis itu pada Oktober 1989, ketika negara itu masih di bawah naungan Indonesia.

Lawatan Sri Paus Sto JP II ketika itu meletakkan aspirasi rakyat Timor dalam peta dunia dan agenda antarabangsa. JP II adalah Bapa Suci pertama dan satu-satunya yang melawat Timor-Leste, membantu rakyatnya mencari hala tuju mereka, membantu mereka memperoleh kemerdekaan pada 2002, selepas perang kejam.

Dengan 98 peratus rakyat Timor Leste merupakan penganut Katolik, Gereja memainkan peranan penting dalam perjuangan Timor Leste untuk kemerdekaan dan mewujudkan demokrasi di negara yang kecil itu.

Orang ramai berharap lawatan Sri Paus Fransiskus pada September 9-11, 35 tahun selepas lawatan pertama, akan mengukuhkan iman warga Timor Leste dan membantu mengubah negara yang dilanda pelbagai kemerosotan sosio-ekonomi seperti kemiskinan, pengangguran, kekurangan penjagaan kesihatan, dan cabaran ekonomi dan politik.

Kunjungan apostolik Sri Paus Fransiskus juga kebetulan Yesuit meraikan 225 tahun kehadiran di pulau itu sejak ketibaan mereka semasa pemerintahan kolonial Portugis.

Terdapat perbezaan yang ketara antara dua lawatan Sri Paus.

Semasa JP II melawat orang Timor, orang ramai menderita dan berada dalam situasi yang mencabar. Mereka seperti orang Israel yang mengalami penganiayaan Firaun dalam Perjanjian Lama. Masyarakat antarabangsa bergelut untuk mendengar suara mereka dan identiti, maruah dan hak mereka diiktiraf.

Realitinya kini berbeza selepas rakyat Timor Leste mencapai kemerdekaan politik. Saya percaya Sri Paus Fransiskus dapat membantu untuk menegaskan semula apa yang diisytiharkan oleh JP II — Timor Leste dan rakyatnya dipanggil untuk menjadi negara Matahari Terbit yang sebenar, terang dunia, dan garam Bumi.

Ketibaan Bapa Suci Fransiskus akan mengiktiraf, menegaskan semula dan mengesahkan panggilan untuk rakyat Timor Leste ini, menjemput mereka untuk menjadi saksi Injil.

Cabaran yang dihadapi rakyat Timor Leste juga berbeza sekarang berbanding 35 tahun dahulu. Mereka berbeza bukan sahaja dalam pengertian Gerejawi tetapi juga dalam pengertian budaya dan politik.

Selepas mencapai kebebasan, Timor Leste mempunyai identiti politiknya sendiri. Gereja mempunyai tiga keuskupan dan satu Persidangan Episkopal. Mereka juga sudah mempunyai aspek struktur dan asas. Oleh itu, lawatan Sri Paus ini mempunyai aspek yang lebih pastoral, rohani.

Timor Leste mempunyai pengalaman politik yang mengesankan dengan JP II: Sri Paus itu melawat dan memberkati Timor. Prelatus itu menggalakkan warga Timor Leste berjuang sebagai bangsa yang bertamadun dan kekal bersatu sebagai satu rakyat dan satu bangsa.

Timor Leste sekarang sudah menjadi sebuah negara yang merdeka dan terdapat beberapa kemajuan: ia telah membangun sebagai sebuah negara dan ekonomi, dan terdapat beberapa pembangunan dari segi infrastruktur.

Walau bagaimanapun, lebih banyak kajian diperlukan untuk memahami apa yang rakyat mahukan lebih sebagai sebuah negara.

Lawatan Sri Paus Fransiskus ke Timor Leste dijangka mengubah mentaliti orang ramai dengan identiti nasional yang baharu. Isu mentaliti ialah transformasi sikap terhadap kehidupan rohani, satu dimensi penting untuk mendalami kerohanian dan kemajuan. — Fr Venâncio Pereira, ucanews.com

Marilah kita berdoa agar pendaatang yang melarikan diri daripada peperangan atau kelaparan, yang terpaksa melakukan perjalanan yang penuh dengan bahaya dan keganasan, agar dapat dialu-alukan dan diberi peluang hidup baharu di negara penerima.

Jun 2, 2024

Kardinal Sebastian ambil alih Gereja tituler di Roma

KUALA LUMPUR: Kardinal Sebastian Francis, Uskup Pulau Pinang, secara rasmi mengambil alih gereja titulernya *Parrocchia Santa Maria Causa Nostrae Laetitiae* (Gereja Holy Mary, Cause of Our Joy), di Roma pada Hari Raya Besar Kenaikan Tuhan, Mei 12.

Gereja tituler ialah sebuah Gereja dalam Keuskupan Roma yang ditugaskan kepada Kardinal, menandakan keahlian kehormatannya sebagai paderi Roma di bawah kuasa Uskup Roma iaitu Sri Paus.

Penamaan ini mencerminkan hubungan kardinal dengan paderi Roma dan melambangkan ikatan persekutuan antara Gereja Malaysia dan Gereja universal.

Turut merayakan Misa bersama Kardinal Sebastian ialah paderi paroki Gereja Holy Mary, Cause of Our Joy, Fr Marco Santarelli, Fr Andrew Khoo (*Institute of the Incarnate Word*) dan Fr Joachim Robert dari Katedral Roh Kudus, Pulau Pinang (kini di Roma untuk pengajian) serta paderi lain.

Dalam homilinya, Kardinal

Sebastian mengatakan kepada kongregasi tentang misi kekal Yesus Kristus, yang dijalankan oleh para Rasul-Nya dan kini diamanahkan kepada semua umat beriman.

Prelatus itu berbicara tentang peristiwa-peristiwa selepas kematian dan kebangkitan Kristus serta menekankan ketaatan para rasul terhadap mandat penginjilan mereka sehingga menjangkau seluruh dunia, termasuk Asia.

Prelatus itu juga bercakap tentang peranan penting Roh Kudus sebagai penggerak misi Gereja dan kesatuannya.

“Roh Kudus adalah penggerak utama Misi dan Kesatuan,” katanya menggesa umat beriman agar menyelaraskan diri mereka sebagai “Tim Roh Kudus.” Uskup Pulau Pinang itu mengingatkan kongregasi bahawa walaupun Yesus Kristus tidak lagi hadir secara fizikal, Dia melangkaui masa dan ruang, berdoa untuk umat manusia dari tempat-Nya iaitu di sebelah kanan Bapa.

Kardinal Sebastian mengulangi janji Kristus untuk kembali sebagai hakim, raja, dan pengantin lelaki, bersatu dengan Gereja dalam seruan bersama “*Maranata*.”

Kardinal juga memberi penghormatan kepada Santa Perawan Maria sebagai “Pencetus Sukacita kita,” dan menyerlahkan peranan syafaat serta kehadiran rohani Bunda Maria bersama Puteranya di Syurga.

Kardinal Sebastian mengakui struktur tadbir urus Gereja bahawa setiap keuskupan berada di bawah jagaan seorang uskup dan semua Gereja bersatu di bawah Sri Paus.

Beliau mengungkapkan terima kasih atas pelantikannya sebagai Kardinal oleh Bapa Suci Fransiskus yang mencerminkan perpaduan melalui keahlian dalam Gereja global.

Menjelang Hari Raya Pentakosta, kardinal memberikan “hadiah” awal kepada umat. “Hadiah” itu adalah intipati “Kehidupan di dalam Yang Maha Suci Roh: Berkat dan Pemberian.”



Beliau menjelaskan bahawa berkat itu datang dalam lima “rasa” — kecantikan, kebebasan, pengorbanan, kebenaran dan cinta — disokong oleh “tenaga dan kemahuan.”

Kardinal Sebastian kemudiannya memberikan berkat kepada komuniti paroki dan berjanji untuk

selalu mengingatkan mereka semasa kembali ke Katedral Roh Kudus di Pulau Pinang.

Semasa lawatannya ke Roma dari Mei 7-16, kardinal itu juga melawat ke beberapa dikasteri iaitu Dikasteri untuk Pembangunan Manusia, Dikasteri Komunikasi Sosial, dan Dikasteri Penginjilan.

POHD Kulai bantu pelajar kurang berkemampuan

KULAI, JOHOR: Paroki Kristus Raja, Kulai, telah melaksanakan program amal membantu pelajar miskin melalui inisiatif POHD (*Parish office of Human Development*).

51 murid miskin dari 19 buah keluarga telah dikenal pasti.

28 dari murid itu merupakan pelajar Sekolah Rendah dan 23 lainnya merupakan pelajar Sekolah Menengah.

Kawasan yang terlibat adalah Kelapa Sawit, Kulai, Saleng dan Bandar Putra.

Program yang dinamakan “Kembali Ke Sekolah” itu bertujuan meringankan beban ibu-bapa yang tidak berkemampuan menyediakan keperluan persekolahan disebabkan oleh masalah kewangan dan mempunyai bilangan anak yang ramai.

Meskipun sesi persekolahan telah bermula sejak Mac lalu tetapi pemberian kelengkapan sekolah seperti beg sekolah, stokin serta alat-alat tulis, amat mengembirakan pelajar yang terlibat.

Sebanyak 51 pek yang disediakan telah diagih-agihkan oleh ahli jawatankuasa POHD mengikut kawasan yang telah ditetapkan. Ketika kanak-anak ini menerima sumbangan ini, nampaklah kegembiraan serta keceriaan terserlah di setiap wajah



mereka serta ibu-bapa mereka.

Usaha murni itu tidak akan berjaya tanpa kerjasama paderi paroki Kristus Raja iaitu Fr Matthew Bun, Pengerusi POHD, Shirley A.Savariappan, ahli-ahli POHD dan semua umat paroki serta beberapa orang bukan Katolik.

Melihat wajah-wajah riang para kanak-kanak dan remaja yang menerima bantuan, POHD amat berbesar hati meneruskan program itu pada masa akan datang. Selain 19 keluarga yang menerima bantuan persekolahan, paroki Kristus Raja juga menyumbang barangan keperluan harian setiap bulan kepada 37 keluarga yang berlainan bangsa dan agama. — *Maria Johnson*

Pengutusan 94 graduan KEP untuk Keuskupan Agung KK

BUNDU TUHAN, Ranau: Dengan tema, “Celakalah aku, jika aku tidak memberitakannya Injil” (1 Kor 9:16), 94 orang peserta Kursus Evangelisasi Peribadi (KEP) Sabah bagi Keuskupan Agung Kota Kinabalu (KK) telah diutus dalam Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Erik Jerome yang mewakili Uskup Agung John Wong.

KEP ini telah dianjurkan oleh Komisi Kateketikal Keuskupan Agung KK. Ini merupakan angkatan yang ketiga bagi Keuskupan Agung Kota Kinabalu sejak dianjurkan pada tahun 2021.

“Anda diutus seperti domba di tengah-tengah serigala, bertahan

dalamewartakan Khabar Gembira terutama di dalam lingkungan anda. Ingatlah bahawa di dalam pelayanan, kita bukan mahu mencari nama sebaliknya mewartakan Yesus Kristus,” kata Fr Erik Jerome yang juga adalah Penasihat Rohani Komisi Kateketikal Keuskupan Agung KK.

Fr Erik juga menyeru kepada 94 graduan KEP siri tiga agar melayani umat dengan rendah hati dan memberi contoh kepada orang lain melalui perkataan dan perbuatan.

Semasa upacara pengutusan, Fr Erik menyerahkan Alkitab dan lilin bernyala yang melambangkan

Kristus adalah terang dunia kepada para peserta KEP.

Sebelum diutus, para peserta KEP telah menjalani ujian bertulis dan ujian praktikal dengan mengadakan kunjungan rumah ke rumah serta harus mempunyai kehadiran kelas yang memuaskan.

KEP kali ketiga ini telah dimulakan pada Oktober 1, 2023 sehingga Mac 2024 secara hybrid.

Untuk julung kalinya, para pengajar KEP ketiga ini adalah terdiri daripada pengajar tempatan yang telah dilatih khas.

Sr Dariah Ajap FSIC, Ketua Komisi Kateketikal keuskupan Agung KK mengucapkan tahniah kepada semua peserta KEP yang diutus dan mengungkapkan penghargaan kepada tim pelaksana khususnya Pengerusi KEP kali ketiga iaitu Dr Freddie Robinson dan Tim KEP Keuskupan Bogor, Indonesia, yang tidak dapat bersama pada hari tersebut.

Pelaksanaan KEP Sabah ini melibatkan tiga keuskupan/Agung di Sabah.

Bagi Keuskupan Agung KK, ia dipengerusikan oleh Dr Freddie Robinson, Keuskupan Keningau diketuai oleh Sr Liza Jamat, FSIC dan Keuskupan Sandakan yang diketuai oleh Sdri Martina Duhong. — *kepsabah@gmail.com*

